

SOALAN LAZIM ZAKAT WANG SIMPANAN

- 1) **Bagaimanakah cara kiraan zakat yang digunakan oleh BMMB?**
BMMB menggunakan cara pengiraan zakat yang diluluskan oleh Pusat Zakat Negeri.
- 2) **Berapakah kadar peratus yang digunakan oleh BMMB bagi potongan zakat?**
Kadar peratusan yang digunakan adalah sebanyak 2.5% menggunakan haul tahun Masihi iaitu sebanyak 365 hari.
- 3) **Berapakah kadar nisab zakat simpanan Ez- Zakat Muamalat?**
Kadar nisab Zakat adalah bersandarkan 85 gram emas semasa tertakluk pada Pusat Zakat Negeri.
- 4) **Apakah yang dimaksudkan dengan haul dan nisab?**
 - Haul bermaksud telah berlalu satu tahun ke atas harta yang dimiliki dalam perkiraan tahun Hijrah iaitu selama 354 hari atau mengikut tahun Masihi iaitu selama 365 hari.
 - Nisab adalah paras minima yang menentukan sama ada wajib atau tidak sesuatu harta itu dikeluarkan zakat.
- 5) **Bagaimanakah caranya jika saya ingin membuat potongan zakat simpanan?**
 - Bagi pelanggan yang masih belum mempunyai akaun dengan BMMB, boleh pergi ke mana-mana cawangan yang berhampiran untuk membuka akaun dan sekaligus mengaktifkan Ez-Zakat Muamalat.
 - Bagi pelanggan yang sudah mempunyai akaun, boleh terus ke cawangan berhampiran untuk mengaktifkan Ez- Zakat Muamalat.
- 6) **Adakah potongan zakat wang simpanan akan dipotong secara automatik bagi pelanggan BMMB?**
Ya. Ia hanya boleh dilaksanakan sekiranya pelanggan mengaktifkan Ez-Zakat Muamalat dan telah memenuhi syarat-syarat wajib zakat.
- 7) **Bilakah bermulanya potongan zakat simpanan BMMB?**
Tertakluk kepada praktis Pusat Zakat Negeri, potongan akan bermula apabila cukup haul dan nisab.
- 8) **Adakah pembayar zakat layak mendapat rebat cukai?**
Di Malaysia menerusi Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 Seksyen 6A (3) yang menyatakan:
Rebat hendaklah diberikan pada tahun taksiran untuk sebarang bayaran zakat fitrah atau lain-lain tuntutan agama islam yang mana pembayaran wajib, dan yang telah dibayar dalam tahun asas bagi tahun taksiran itu, dan dibuktikan oleh resit yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama yang berkenaan yang ditubuhkan mengikut undang-undang bertulis.
- 9) **Bagaimanakah sekiranya saya ingin mendapatkan resit pembayaran zakat?**
Resit pembayaran zakat akan dikeluarkan oleh Pusat Zakat Negeri selepas pemotongan zakat dibuat pada tahun tersebut. Resit akan dikeluarkan di portal Pusat Zakat Negeri atau akan dikirimkan ke alamat pelanggan.
- 10) **Adakah akaun kanak-kanak yang belum baligh wajib dibayar zakat?**
Ya. Kewajipan zakat berdasarkan harta yang cukup haul dan nisabnya. Tidak mengikut umur pemegang akaun.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi khidmat pelanggan yang berikut:

PPZ MAIWP di talian 1-300-88-5757 atau emel di info@zakat.com.my

LZS-MAIS di talian 1-300-88-4343 atau emel di maklumbalasaduan@zkat.selangor.com.my

Zakat Melaka di talian 1-300-88-0233 atau emel di info@zakatmelaka.com

Khidmat pelanggan Bank Muamalat di talian 03-26005500